

RM30j hutang sewa rumah

Kedegilan penyewa punca DBKL gagal selenggara perumahan

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil
insalwa@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menanggung sewa tertunggak sebanyak RM30 juta akibat keengganan penyewa perumahan awam dan projek perumahan rakyat (PPR) menjelaskan bayaran sejak mula menduduki perumahan awam itu pada awal 1970-an hingga kini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Salleh Yusop berkata, kedegilan penyewa menjelaskan sewaan menyebabkan DBKL mengalami kesukaran menyelenggara dan menguruskan perumahan berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya sudah memaklumkan kepada persatuan penduduk, agensi atau badan yang bertanggungjawab di kawasan perumahan itu berbincang dengan pihak yang perlu dijelaskan kerana DBKL mengalami masalah pengurusan jika ia masih berterusan.

"Mereka hanya perlu membayar RM124 sebulan dan kita rasa kadar itu bukan mem-

bankan mereka. Jika diikutkan, kos penyelenggaraan mencecah RM250 tetapi kita memberikan subsidi mendingankan kebanyakannya berpendapatan rendah.

"Bagaimanapun, kadar yang ditetapkan belum dijelaskan penyewa berkenaan. Jika mereka menjelaskan sewaan kita mampu memungut antara RM60 juta hingga RM70 juta setahun," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Kehidupan Murni PPR Jelatek 2009 di sini.

Katanya, jumlah itu sepatutnya disalurkan kembali untuk kos penyelenggaraan, kebersihan, pungutan sampah selain pengindahan termasuk mengecat semula bangunan di kawasan perumahan berkenaan.

"Kita mempunyai 70,000 unit perumahan awam DBKL dan daripada jumlah itu 50,000 disewa, manakala selebihnya dijual kepada penduduk berpendapatan rendah," katanya.

Salleh berkata, pihaknya



Kita difahamkan, ada antara mereka yang gagal menjelaskan tunggakan hingga RM7,000. Bermakna, sejak tinggal di rumah PPR langsung tidak membayar sewa berkenaan"

Salleh Yusop

Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

memahami ada penyewa berpendapatan rendah dan mempunyai anak sekolah yang ramai dan jika mereka gagal menjelaskan hutang tertunggak pastinya mendatangkan kesusahan kepada mereka sekeluarga.

"Jika kita mengambil tindakan mengunci unit kediaman

itu pastinya akan menyusahkan mereka. Kita difahamkan, ada antara mereka yang gagal menjelaskan tunggakan hingga RM7,000. Bermakna, sejak tinggal di rumah PPR langsung tidak membayar sewa berkenaan," katanya.

Katanya, memandangkan keadaan ekonomi masa kini, DBKL akan mencari penyelesaian bagi memastikan penyewa melangsaikan tunggakan antaranya berbincang untuk membuat pembayaran secara ansuran.

"Kita bersedia daripada membiarkan tunggakan terus berlanjutan kerana faham ada yang tidak mampu, mempunyai anak ramai serta ibu tunggal, golongan ini akan kita bantu mereka menerusi Baitulmal atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Bagaimanapun, ada antara mereka bukan tidak mampu tetapi ambil jalan mudah... suka bertangguh dan ada yang langsung tidak mahu membayarnya. Mereka ini akan kita ambil tindakan selanjutnya," katanya.